

06/09/1998

Jangan pertikai kewibawaan polis

MEMPERTIKAIKAN kewibawaan dan profesionalisme polis menjalankan siasatan dan prasangka terhadap sistem pemerintahan negara sukar dipercayai jika ia datangnya daripada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang begitu konsisten dengan pendiriannya. Tambah meragukan apabila semalam Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor menjelaskan Anwar sendiri cuba campur tangan dalam siasatan polis terhadap buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi PM. Antara Julai dan Ogos lalu, Polis menerima empat aduan bahawa Anwar cuba menggunakan kedudukan dan pengaruhnya termasuk menakut-nakutkan saksi dan cuba mengubah bukti penyiasatan. Disebabkan perkara ini mungkin dibawa di mahkamah, Anwar perlu menghadapi realiti ini dan menafikannya dengan bukti, jika beliau benar-benar tidak berbuat demikian. Berasaskan penjelasan Rahim, boleh diandaikan bahawa pendirian Anwar terhadap sistem kerajaan sejak beliau dilucutkan jawatan, boleh dipersoalkan. Jika sebelum ini beliau adalah orang pertama yang mempertahankan setiap kritik terhadap kerajaan, hari ini beliau sudah mengubah prinsipnya dan bersuara selari dengan laungan pembangkang.

Apakah hanya selepas tidak lagi mempunyai kedudukan dalam Kabinet Anwar melihat segala tindakan kerajaan terlalu jijik sedangkan sebelum ini beliau begitu mempertahankan dan mendukungnya. Adalah tidak wajar mengajak rakyat supaya bersama-sama membenci sistem kerajaan sedangkan isu yang diperjuangkan tidak ada kaitan dengan rakyat. Rakyat hanya boleh diajak melakukan reformasi jika isu yang diperjuangkan membabitkan masalah dan penderitaan rakyat. Apakah rakyat hari ini dibelenggu dengan kemiskinan atau penindasan hingga mereka harus diajak bangkit bersama. Rasanya, rakyat boleh memikirkan secara rasional antara perkara benar dan palsu. Rakyat tidak akan terkeliru dengan hujah yang hanya membakar semangat kerana di sudut hati mereka tetap mahu mengetahui kedudukan sebenar kes ini, dari sudut perundangan. Lebih menarik kerana tuduhan yang dikaitkan dengan Anwar sebagaimana terkandung dalam affidavit membabitkan kes Pengarah Hal Ehwal Awam Magnum, Datuk S Nallakaruppan, adalah sesuatu yang sukar dipercayai. Naluri rakyat untuk mengetahui keadaan sebenar begitu tinggi kerana ia bukan sahaja membabitkan seorang yang pernah menduduki jawatan tinggi dalam kerajaan, malah seorang pemimpin yang dikaitkan dengan moral peribadi yang tinggi.

Kes ini lebih kepada masalah peribadi Anwar. Rakyat tidak seharusnya diajak menyingsing lengan hanya dengan matlamat untuk membersihkan namanya.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak yang mempertikaikan pendirian Anwar sejak berada di luar kerajaan, menunjukkan seolah-olah selama ini Anwar tidak pernah mempertahankan kewibawaan sistem yang wujud di negara ini. Tidak boleh dinafikan Anwar turut mengikuti setiap perkembangan kes siasatan polis dan perundangan yang membabitkan tokoh politik sama ada tokoh parti kerajaan atau pembangkang sebelum ini. Bukan tugas individu untuk mempersoalkan kewibawaan pihak berkuasa untuk menjalankan tugas masing-masing. Fungsi polis dan perundangan hanya akan terganggu apabila semua pihak yang dituduh, bebas menyuarakan pendapat yang bertentangan dengan proses penyiasatan dan peraturan mahkamah. Hakikatnya, kes ini masih belum selesai. Lebih banyak bukti akan dapat didengar apabila ia didengar di mahkamah kelak. Selagi perbicaraan di mahkamah belum dijalankan, termasuk dakwaan wujudnya konspirasi politik

tertinggi kerajaan untuk menjatuhkannya, adalah lebih wajar setiap rakyat menunggu perkembangan menerusi saluran yang sah. Apabila dipanggil untuk membela diri kelak, Anwar boleh mengemukakan hujahnya dan diadili. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pun memberi jaminan bahawa Anwar mempunyai peluang untuk menjelaskannya dalam forum yang sesuai, yang kita percaya apa yang dimaksudkannya ialah di mahkamah.

(END)